

KEMPEN SMART AMIL BANK ISLAM CATAT PERTUMBUHAN KUTIPAN ZAKAT DIGITAL SEBANYAK HAMPIR 10 KALI GANDA

Inovasi berteraskan matlamat yang memudahkan pembayaran zakat, memperkukuh tadbir urus serta menyokong golongan rentan

KUALA LUMPUR, Khamis, [6 Ogos 2026]: Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam atau Bank) terus memperkukuh pendigitalan kewangan sosial Islam menerusi kempen Smart Amil, yang telah berjaya memudahkan kutipan zakat, dengan merekodkan lebih 148,000 transaksi digital bernilai melebihi RM6.3 juta di enam negeri sejak dilancarkan pada Mac 2024.

Bermula sebagai satu inisiatif untuk menggalakkan majlis agama dan institusi zakat menggunakan Bank Islam sebagai rakan perbankan utama bagi kutipan zakat, ia kini berkembang menjadi satu kempen yang berjaya memodenkan kutipan zakat fitrah menerusi pembayaran tanpa tunai. Dengan memanfaatkan teknologi DuitNow QR, Smart Amil membantu mentransformasikan pengalaman kutipan zakat sepanjang Ramadan dengan menjadikan proses pembayaran zakat lebih mudah, selamat dan telus bagi amil serta para pembayar zakat.

Kempen ini mencatatkan pertumbuhan yang memberangsangkan sejak diperkenalkan, didorong oleh peningkatan penerimaan orang ramai terhadap pembayaran digital serta kemudahan transaksi berasaskan kod QR. Jumlah transaksi melonjak daripada 8,839 transaksi pada tahun 2024 kepada 59,543 transaksi pada tahun 2025, sebelum mencecah 80,299 transaksi pada tahun 2026. Dalam tempoh yang sama, jumlah kutipan zakat turut menunjukkan peningkatan ketara, daripada RM390,516 pada tahun 2024 kepada RM2.57 juta pada tahun 2025 dan RM3.42 juta tahun ini.

Kempen Smart Amil turut memperluaskan capaiannya daripada hanya dua institusi zakat yang mengambil bahagian ketika diperkenalkan di Johor dan Pulau Pinang kepada enam negeri pada masa ini, iaitu Johor, Pulau Pinang, Sarawak, Sabah, Kedah dan Melaka. Setakat tahun ini, Bank Islam telah menjana sebanyak 4,197 kod QR untuk para amil di seluruh negara.

Peningkatan penerimaan kemudahan Smart Amil membuktikan bagaimana inovasi digital mampu menggalakkan penyertaan meluas dalam kalangan masyarakat bagi penyempurnaan ibadah zakat. Dengan meringkaskan proses pembayaran serta menaikkan keyakinan transaksi, kempen ini membantu memperkukuh usaha kutipan zakat dan memperluaskan keupayaan institusi zakat dalam menyalurkan manfaat.

Lebih utama, peningkatan kutipan diterjemahkan kepada sokongan yang lebih besar kepada komuniti rentan. Dana zakat yang dikutip melalui institusi yang mengambil bahagian disalurkan kepada penerima yang layak, termasuk keluarga berpendapatan rendah, fakir miskin serta kumpulan asnaf lain, membantu meningkatkan punca pendapatan dan memperkukuh kesejahteraan mereka.

YM Raja Datin Paduka Teh Maimunah Raja Abdul Aziz, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Bank Islam, berkata, pertumbuhan memberangsangkan yang dicapai menerusi kempen ini memperlihatkan potensi teknologi dalam memperkukuh kewangan sosial Islam, di samping mewujudkan nilai bermakna kepada masyarakat secara lebih menyeluruh.

“Pertumbuhan kukuh yang dicatatkan oleh Smart Amil mencerminkan peningkatan kecenderungan rakyat Malaysia terhadap pengalaman pembayaran digital yang mudah,

selamat dan lancar, termasuk ketika menunaikan kewajipan ibadah mereka. Dengan memanfaatkan teknologi untuk mempermudah kutipan zakat, kami bukan sahaja meningkatkan kebolehcapaian dan memudahkan para pembayar zakat, malah turut memperkukuh ketelusan, tadbir urus dan kecekapan operasi bagi institusi zakat serta amil.

“Sebagai sebuah institusi kewangan berteraskan nilai, Bank Islam kekal komited untuk menggunakan teknologi bagi mewujudkan impak sosial yang bermakna. Smart Amil merupakan contoh jelas bagaimana inovasi digital dapat memperkukuh kewangan sosial Islam, menggalakkan penyertaan yang lebih meluas dalam pembayaran zakat dan akhirnya memberi manfaat kepada komuniti yang paling memerlukan sokongan,” katanya.

Selain meningkatkan pengalaman pembayaran, penyelesaian berasaskan kod QR ini turut memberikan manfaat operasi yang dapat diukur kepada amil dan institusi zakat. Ia termasuk menyingkir risiko yang berkaitan pengendalian wang tunai secara fizikal, proses penyesuaian secara automatik, pelaporan yang lebih pantas, keterlihatan transaksi yang lebih baik serta jejak audit digital yang lengkap. Sepanjang tempoh kutipan zakat yang memuncak pada bulan Ramadan, institusi yang mengambil bahagian turut melaporkan proses kutipan yang lebih lancar dan pengurangan beban kerja pentadbiran.

Diintegrasikan dengan ekosistem pembayaran digital Bank Islam dan infrastruktur DuitNow QR Malaysia, penyelesaian ini membolehkan pembayar zakat membuat pembayaran dengan lancar melalui pelbagai aplikasi perbankan yang mengambil bahagian, pada masa sama, memastikan pematuhan terhadap piawaian industri dan pihak kawal selia.

Raja Teh menambah, “Pada masa hadapan, Bank Islam berhasrat untuk meluaskan capaian Smart Amil ke lebih banyak negeri dan institusi zakat di seluruh negara, sambil meneroka peluang untuk menyokong pembayaran zakat lain termasuk zakat pendapatan, zakat harta dan zakat emas. Bank juga sedang menilai penambahbaikan seperti pilihan pembayaran yang lebih meluas, keupayaan pelaporan yang dipertingkatkan serta kerjasama digital bagi terus memperkukuh kebolehcapaian, ketelusan dan kecekapan kutipan zakat.”

Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983, Bank Islam mempunyai lebih 100 cawangan dan lebih 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai sebuah institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan runcit dan kewangan korporat yang mematuhi prinsip Syariah dengan ketat. Bank Islam komited dalam memastikan kemakmuran lestari dan mengikut nilai-nilai ESG. Ia merupakan peserta rasmi Rangkaian Kompak Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Malaysia dan Brunei. Anak syarikat Bank Islam, BIMB Investment dan BIMB Securities, menawarkan perkhidmatan pelaburan dan pembrokeran saham.

Untuk maklumat lanjut, layari www.bankislam.com atau emel ke Hubungan Media Kumpulan Bank Islam di media@bankislam.com.my.